



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGARUH FAKTOR PENGETAHUAN, TINGKAH LAKU KEWANGAN,  
DAN PEMBUATAN KEPUTUSAN TERHADAP KESEJAHTERAAN  
KEWANGAN PEKERJA SEKTOR AWAM YANG BERKAHWIN**

**ZAIMAH RAMLI**

**FEM 2011 19**

**PENGARUH FAKTOR PENGETAHUAN, TINGKAH LAKU KEWANGAN, DAN  
PEMBUATAN KEPUTUSAN TERHADAP KESEJAHTERAAN KEWANGAN  
PEKERJA SEKTOR AWAM YANG BERKAHWIN**



Oleh  
**ZAIMAH RAMLI**

© Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

November 2011

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH FAKTOR PENGETAHUAN, TINGKAH LAKU KEWANGAN, DAN  
PEMBUATAN KEPUTUSAN TERHADAP KESEJAHTERAAN KEWANGAN  
PEKERJA SEKTOR AWAM YANG BERKAHWIN**

Oleh

**ZAIMAH RAMLI**

**November 2011**

**Pengerusi : Profesor Madya Sharifah Azizah Haron, PhD**

**Fakulti : Ekologi Manusia**

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kerajaan sentiasa memberi ruang dan galakan kepada golongan wanita untuk melibatkan diri dalam pasaran buruh. Penglibatan wanita dalam pekerjaan ini telah mewujudkan struktur keluarga dwi-pendapatan dan bilangannya semakin meningkat di Malaysia. Kewujudan keluarga dwi-pendapatan ini seharusnya mampu meningkatkan tahap kesejahteraan kewangan pekerja itu sendiri secara individu memandangkan kedua-dua suami dan isteri adalah bekerja dan memperoleh pendapatan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kos hidup yang semakin meningkat, tidak dapat dipastikan apakah pekerja sektor awam yang berkahwin dalam kalangan keluarga dwi-pendapatan ini mampu memperoleh tahap kesejahteraan kewangan yang diharapkan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji tahap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan mereka.

Reka bentuk kuantitatif menggunakan kaedah survei diaplikasikan dalam kajian ini. Sampel kajian adalah pekerja sektor awam yang berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan. Unit analisis adalah individu, sama ada suami atau isteri. Seramai 415 orang responden terlibat dalam kajian ini. Ujian pengelasan dan ujian normaliti dilaksanakan ke atas pembolehubah-pembolehubah utama kajian. Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menentukan perbezaan kesejahteraan kewangan, pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pembuatan keputusan kewangan antara responden yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi berbeza. Ujian Khi Kuasa Dua ( $\chi^2$ ) turut digunakan untuk menentukan perbezaan antara tahap kesejahteraan kewangan mengikut status pemilikan rumah.

Selain itu, analisis regresi pelbagai juga digunakan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang perubahan dalam kesejahteraan kewangan responden. Manakala regresi logistik multinomial digunakan untuk mengenalpasti kebarangkalian faktor-faktor penentu variasi tahap kesejahteraan kewangan (tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi) yang terdiri daripada faktor latar belakang sosio-ekonomi, pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pembuatan keputusan kewangan.

Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara tahap pendidikan, kumpulan perjawatan dan pemilikan rumah dengan tahap kesejahteraan kewangan responden. Hasil ujian-t turut mendapati wujud perbezaan di antara tahap pendidikan dan kumpulan perjawatan dengan tingkah laku kewangan responden. Selain itu, hasil ujian ANOVA juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara pembuatan

keputusan kewangan suami dan isteri mengikut sumbangan pendapatan mereka dalam keluarga. Kajian turut mendapati suami masih mempunyai kelebihan autoriti dalam pembuatan keputusan kewangan dalam keluarga. Manakala hasil ujian Khi Kuasa Dua ( $\chi^2$ ) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan tahap kesejahteraan kewangan di antara responden yang memiliki rumah dan responden yang tidak memiliki rumah.

Seterusnya keputusan analisis regresi menunjukkan terdapat tujuh pembolehubah peramal kepada kesejahteraan kewangan responden, iaitu umur, pendapatan bulanan, pemilikan rumah, pemilikan produk kewangan, sumbangan pendapatan keluarga, tingkah laku kewangan dan pembuatan keputusan kewangan suami. Hasil analisis regresi logistik pula menunjukkan latar belakang sosio-ekonomi (umur, pendapatan bulanan, pemilikan rumah dan pemilikan produk kewangan), tingkah laku kewangan dan pembuatan keputusan kewangan suami mempunyai hubungan dengan variasi tahap kesejahteraan kewangan responden. Penemuan kajian ini memberikan justifikasi bahawa faktor umur, pendapatan bulanan, pemilikan rumah, pemilikan produk kewangan dan tingkah laku kewangan perlu diberi perhatian dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar berkaitan pekerja dan keluarga di Malaysia demi menjayakan Wawasan 2020.

Abstract of thesis presented to the Senate Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE INFLUENCE OF KNOWLEDGE, FINANCIAL BEHAVIOUR AND DECISION MAKING TOWARDS FINANCIAL WELL-BEING OF MARRIED PUBLIC SECTOR WORKERS**

By

**ZAIMAH RAMLI**

**November 2011**

**Chairman : Associate Professor Sharifah Azizah Haron, PhD**

**Faculty : Human Ecology**

In the effort to make Malaysia a developed country with high income status in the year 2020, the Government has continuously giving opportunity and encouragement to women to be involved in the labour market. Women involvement in employment has lead to dual-income family structure, which numbers continue to increase in Malaysia. By right, dual-income family should be more able to improve the individual worker's since both spouses are employed and generated incomes. However, in situation where cost of living continue to increase, it is uncertain whether married public sector workers among dual-income families could attain higher level of financial well-being. Therefore this research aims to study level of financial well-being of married public sector workers in dual-income families and to determine factors affecting their level of financial well-being.

Quantitative design using survey method was applied in this research. Research sample comprises of married public sector workers in dual-income families. The unit of analysis is the individual, either husband or wife. A total of 415 respondents participated in this research. Classification test and normality test were carried out on the research's principal variables. T-test and ANOVA were used to ascertain different level of financial well-being, financial knowledge, financial behaviour and financial decision making among respondents with different socio-economic backgrounds. Chi-square test ( $\chi^2$ ) was also applied to identify different level of financial well-being based on the status of home ownership.

Furthermore, Multiple Regression Analysis was utilized out to identify factors contributing to different level of financial well-being among respondents. Multinomial Logistic Regression was employed to identify determining probability factors variation in level of financial well-being (low, moderate, high) with socio-economic background, financial knowledge, financial behaviour and financial decision making factors.

T-test result shows that there was a significant difference among education level, employed position and home ownership with level of financial well-being. T-test result indicated differences between level of education and employed position with financial behaviour of the respondents. Findings of ANOVA shows that there was significant differences between financial decision making of the husband and the wife based on their income contribution to the family. The study found that, the husband still hold privilege authority in financial decision making of the family. Results of Chi-square test

( $\chi^2$ ) shows that there was significant difference between financial well-being level and home ownership.

Further, the multiple regression analysis results show that there are seven predictor variables of the respondents' financial well-being that are age, monthly income, home ownership, financial product ownership, contribution to family income, financial behaviour and financial decision making of the husband. Whereas, logistic regression analysis shows the socio-economic background (age, monthly income, home ownership and financial product ownership), financial behaviour and financial decision making of the husband has relation with the respondents' variation level of financial well-being. The results of the study justifies that age, monthly income, home ownership, financial product ownership and financial behaviour factors need to be give attention in developing and implementation of policies pertaining the workers and family in Malaysia to achieve Vision 2020.



## PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH...setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izinNya sehingga sempurnanya tesis ini.

Setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Sharifah Azizah Haron selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan; khasnya Profesor Dr. Jariah Masud dan Profesor Madya Dr. Mumtazah Othman di atas bimbingan dan tunjuk ajar selama ini. Sumbangan pemikiran kritis yang membina serta komitmen yang tinggi daripada mereka membantu saya menghasilkan kajian yang lebih bermanfaat. Terima kasih kepada UKM, penaja utama pengajian ini.

Penghargaan istimewa kepada rakan-rakan *Sains Pembangunan* yang memberi semangat dan dorongan dalam melaksanakan kajian ini; khasnya *Prof Madya Dr. Abd Hair Awang* di atas tunjuk ajar dan *Sarmila Md Sum* yang memahami dan sudi berkongsi suka-duka perjuangan ini.

Teristimewa buat suami *Habib Ismail* yang banyak berkorban dan mengerti perjuangan ini; emak *Hjh Puteh Hj Ahmad* dan adik-adik *Zaitina dan Zaim* yang turut berkorban masa dan tenaga kerana kajian ini; anak-anak *Aiman Hariz, Aiman Haziq dan Muhammad Hafiz* yang berkorban rasa dan belajar memahami; serta ingatan abadi buat arwah ayah *Hj Ramli Mat Nor*...tidak dilupa *Rozlina TUJP* di atas bantuan di saat akhir.

Semoga Allah SWT memberikan rahmat dan keberkatan dunia dan akhirat kepada semua insan yang terlibat sepanjang perjuangan ini...AMIN.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 30 November 2011 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zaimah Ramli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Faktor Pengetahuan, Tingkah Laku Kewangan, dan Pembuatan Keputusan Terhadap Kesejahteraan Kewangan Pekerja Sektor Awam yang Berkahwin” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nobaya Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rumaya Juhari, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Laily Hj Paim, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ujang Sumarwan, PhD**

Profesor  
Kolej Ekologi Manusia  
Universiti Pertanian Bogor  
Indonesia  
(Pemeriksa Luar)

---

**SEOW HENG FONG, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 April 2012

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Sharifah Azizah Haron, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Jariah Masud, PhD**

Profesor  
Institut Gerontologi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mumtazah Othman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---


**Bujang Bin Kim Huat, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



---

**ZAIMAH RAMLI**

Tarikh: 30 November 2011



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS</b>	<b>16</b>
2.1 Keluarga dwi-pendapatan di Malaysia	16
2.1.1 Manfaat kewangan	18
2.1.2 Perbelanjaan sampingan	20
2.2 Kesejahteraan kewangan	21
2.2.1 Konsep kesejahteraan kewangan	22
2.2.2 Pengukuran kesejahteraan kewangan	23
2.3 Faktor-faktor penentu kesejahteraan kewangan	27
2.3.1 Pengetahuan kewangan	28
2.3.2 Tingkah laku kewangan	31
2.3.3 Pembuatan keputusan kewangan	34
2.3.4 Latar belakang sosio-ekonomi	38
2.4 Kerangka teoritikal	42
2.4.1 Teori pengurusan sumber keluarga	43
2.4.2 Teori sumber	46
2.5 Kerangka kajian	47
2.6 Rumusan	50
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>52</b>
3.1 Reka bentuk kajian	52
3.2 Populasi dan sampel	53
3.3 Teknik persampelan	53
3.4 Pengumpulan data	56
3.5 Instrumen dan pengukuran	58
3.5.1 Latar belakang sosio-ekonomi	59
3.5.2 Pengetahuan kewangan	60
3.5.3 Tingkah laku kewangan	61
3.5.4 Pembuatan keputusan kewangan	62
3.5.5 Kesejahteraan kewangan	64
3.6 Pembolehubah	65
3.6.1 Pembolehubah bersandar	65
3.6.2 Pembolehubah bebas	67

3.7	Pra-ujian soal selidik	69
3.8	Analisis data	71
3.8.1	Analisis faktor	71
3.8.2	Analisis pengesahan faktor (CFA)	79
3.8.3	Ujian normaliti	83
3.8.4	Ujian-t dan ANOVA	85
3.8.5	Khi Kuasa Dua	86
3.8.6	Korelasi	86
3.8.7	Regressi pelbagai	87
3.8.8	Regressi logistik	90
3.9	Rumusan	93
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>94</b>
4.1	Latar belakang sosio-ekonomi	94
4.2	Tahap kesejahteraan kewangan	98
4.3	Tahap pengetahuan kewangan	109
4.4	Pola tingkah laku kewangan	114
4.5	Pola pembuatan keputusan kewangan	121
4.6	Faktor-faktor penentu kesejahteraan kewangan	130
4.6.1	Umur	133
4.6.2	Pendapatan bulanan	135
4.6.3	Pemilikan rumah	136
4.6.4	Pemilikan produk kewangan	137
4.6.5	Tingkah laku kewangan	138
4.6.6	Pembuatan keputusan kewangan suami	139
4.7	Rumusan	140
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>142</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>155</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>170</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>180</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>181</b>